



**KOPERASI TUNAS MUDA
SUNGAI ARA BERHAD**

Buletin Tunas Muda

Dari Meja Pengerusi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua anggota koperasi.

Sempena bulan Ramadhan 1431 Hijrah, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua anggota koperasi yang beragama Islam dan diharap ibadah puasa tahun ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik berbanding tahun-tahun yang lepas. Sehubungan dengan itu saya mengharapkan Koperasi Tunas Muda

Sungai Ara Berhad (KTMSAB) dapat memacu hala tuju dalam menyelesaikan beberapa perkara penting untuk faedah anggota-anggota Koperasi. Antara perkara-perkara penting ialah menyelesaikan pemberian peruntukkan rumah kepada semua anggota Koperasi. Diikuti dengan cadangan pemberian peruntukkan rumah untuk anggota Koperasi bagi pusingan yang kedua.

Kejayaan perlulah selari dengan peningkatan semangat kerjasama di kalangan anggota untuk menjayakan aktiviti-aktiviti KTMSAB. KTMSAB mampu menjalankan perniagaannya sekiranya tanah-tanah milik KTMSAB telah dibangunkan sama sekali. Dengan

aset yang berbentuk bangunan, rumah kedai, pajakan tanah serta pencarian bank tanah KTMSAB boleh menjalankan perniagaannya.

Menjadi tanggungjawab serta amanah yang diberikan oleh anggota kepada saya sebagai Pengerusi untuk memastikan KTMSAB ini ditadbir dengan baik. Lembaga Pengarah dan pengurusan mempunyai kesepaduan dari aspek matlamat dan cara bertindak dan fokus terhadap tugas dan tanggungjawab maka segala perancangan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Ir. Mansor Musa >



Penyerahan Kunci Rumah Peruntukan

>> oleh: Hashimah Yahya

Majlis penyerahan kunci projek perumahan peruntukan kepada anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) serta majlis menandatangani perjanjian penyerahan rumah yang telah berlangsung di pejabat KTMSAB dan disaksikan oleh Pengerusi KTMSAB, Ir Mansor Musa.

Menurut Pengerusi KTMSAB, Ir Mansor Musa berkata sebanyak 170 unit rumah

diperuntukan kepada anggota di Taman Tunas Damai, Sungai Tiram. Ulasnya lagi sememangnya menjadi hasrat KTMSAB untuk menyediakan perkhidmatan, faedah dan pulangan terbaik kepada anggota di dalam penyediaan skim perumahan yang berkualiti dalam persekitaran yang selesa. Katanya lagi

perancangan-perancangan yang diatur hanya akan dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya di kalangan anggota, Lembaga Pengarah dan pengurusan bertindak sebagai sebuah pasukan yang mantap dan berkesan seperti yang telah dirancangan.

KTMSAB dalam masa yang sama akan cuba meningkatkan pendapatan melalui hasil pajakan tanah. Anggaran hasil pendapatan daripada pajakan tanah KTMSAB mencecah RM3.2 juta setahun. Dana yang diperolehi ini juga akan digunakan untuk kebajikan anggota KTMSAB.

Ahmad Jasmi Ghazali



< Anggota Ismail Man (1399) menerima plat kunci rumah peruntukan oleh Pengerusi KTMSAB, Ir Mansor Musa.

Lembaga dan Pengurusan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad mengucapkan Selamat Berpuasa di Bulan Ramadhan, Maaf Zahir Dan Batin kepada semua anggota Koperasi.

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Maaf Zahir Batin*


Ir. Mansor Musa
(Pengerusi)


Dr. Rahmad Zakaria
(Setiausaha)


Zainil Abidin Ahmad
(Bendahari)

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad telah memberikan saguhati duit raya sebanyak RM1000 (anggota muslim). Pembayaran dibayar melalui akaun bank anggota mulai 28 Ogos 2010.

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD (KTMSAB) MENANG PERTIKAIAN KES TRIBUNAL

Keputusan kes No.T317-2009 bertarikh 23 Ogos 2010 di antara Haji Rahim bin Osman (pemohon) dan KTMSAB (responden) di dalam Tribunal Koperasi Malaysia, berpihak kepada KTMSAB. Mahkamah bersetuju bahawa tindakan yang diambil oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) menggantung beliau sebagai ALK adalah betul. Mahkamah juga bersetuju bahawa tindakan pemohon menjual saham Sunway memudaratkan KTMSAB. Tribunal dengan ini menolak relif dan remedi (untuk kekal sebagai ALK) yang dipohon oleh pemohon dengan kos. KTMSAB sedang mengemukakan saman tuntutan ke atas kerugian yang dialami atas tindakan yang beliau ambil. Perbicaraan akan disambung pada 14 dan 15 Oktober 2010.

Anggota Lembaga Bagi Tahun 2010/2011

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
 3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
 4. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (0946)
 5. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
 6. Tuan Haji Abdul Majid bin Makam PJM (0014)
 7. Encik Mohd Razib bin Arshad (1839)
 8. Encik Mohd Nagib bin Ahmad (1990)
 9. Encik Yong Chin Foo (1726)
 10. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
 11. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
 12. Encik Rameli bin Budin (2693)
-

ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

>> oleh: Mohammad Sayuti Salleh

Jawatankuasa Audit Dalam Tahun 2010/2011

1. Puan Hajjah Syarifah Chik binti Syed Abdulah (0090)
 2. Encik Abdul Rahim bin Abdul Razak (2330)
 3. Encik Razak bin Maidin (2127)
 4. Encik Ibrahim bin Yahaya (2086)
 5. Encik Adam bin Omar (2686)
-

Jawatankuasa Kerja (EXCO) Tahun 2010/2011

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
 3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
 4. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
 5. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (0946)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Sebutharga Tahun 2010/2011

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
 3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Tender Tahun 2010/11

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
 3. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Pembangunan Tahun 2010/2011

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
 3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
 4. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
 5. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (0946)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Peningkatan Perkhidmatan Kepada Anggota Tahun 2010/2011

1. Tuan Haji Abdul Majid bin Makam PJM (0014) - Pengerusi
 2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
 3. Tuan Haji Md. Hassan bin Zakaria (0011)
 4. Encik Nadarajan a/l Muniandy (0807)
 5. Encik Choo Choon Huah (1651)
 6. Encik Abdul Jalil bin Che Mamat (2557)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Perumahan Anggota Tahun 2010/2011

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
 3. Encik Yong Chin Foo (1726)
 4. Encik Hong Soo Yang (2046)
 5. Encik Mohamad Noor bin Ishak (1372)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Kawalan Bangunan Dan Pengusaha Di Atas Tanah KTMSAB Tahun 2010/2011

1. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Pengerusi
 2. Tuan Haji Aboo Bakar bin Mohamd Yusoff (0639)
 3. Encik Johari bin Din (2673)
 4. Encik Hong Soo Yang (2046)
 5. Encik Mohamed Noor bin Ishak (1372)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Hutang Piutang Tahun 2010/2011

1. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Pengerusi
 2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
 3. Encik Tan Seng Chong (2485)
 4. Encik Sabri bin Abdul Rani (2652)
 5. Tuan Haji Jamil bin Ishak (1803)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Kecil Pembangunan Wanita Tahun 2010/2011

1. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539) - Pengerusi
 2. Puan Zaini binti Taib (2185)
 3. Puan Puziah binti Ismail (2365)
 4. Puan Pheh Ah Nya (1824)
 5. Puan Che Sam binti Saiboo (2076)
 6. Puan Siti Fatimah binti Mat (1942)
 7. Puan Norsiah @ Noorah binti Bakar (1335)
 8. Puan Azinee binti Abu Bakar (2487)
 9. Puan Mariani binti Mat Tasar (2587)
 10. Puan Sharipah binti Ariffin (1347)
-

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Pendidikan Dan Latihan Tahun 2010/2011

1. Ir. Mansor bin Musa, PKT, PJK (2176) - Pengerusi
 2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
 3. Puan Merdabi bin Mydeen Meerana (1328)
 4. Puan Rosiah binti Yusoff (2536)
 5. Puan Jamalah binti Shaik Mohamed (2596)
-



Program Latihan MKM Bagi Bulan Oktober Hingga Disember 2010

BIL	KOD/ NAMA	SASARAN PESERTA	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH/ TEMPOH KURSUS
1.	KURSUS IDB 317 Bengkel Pengurusan Stok	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Pengurusan Koperasi • Jawatankuasa Audit dalaman Koperasi • Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memberi pendedahan terhadap kepentingan pengurusan stok. 2. memberi pengetahuan tentang proses pembelian dan pengendalian stok. 3. menerangkan kaedah meramal keperluan dan mengawal tingkat stok. 	04/10 – 06/10/2010 (3 hari)
2.	IDC 823 Bengkel Berfikir Diluar Kotak	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi • Jawatankuasa Kecil Koperasi • Aanggota Koperasi • Kakitangan koperasi • Usahawan/Individu 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memberi kefahaman tentang faktor yang mempengaruhi kemahiran berfikir. 2. memberi pendedahan tentang pemikiran kreatif dan kritis. 	18/10 – 20/10/2010 (3 hari)
3.	IDT 467 Asas Pengurusan ICT	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Koperasi • Pengurus Koperasi / Pengurus ICT Koperasi • Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi 	<p>Pada akhir kem ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memberi kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab pengurus ICT dalam pengurusan ICT di koperasi. 2. memberi pendedahan dan kefahaman tentang isu dan masalah ICT yang dihadapi di dalam pengurusan ICT. 3. memberi pendedahan dan kefahaman tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan ICT. 4. memberi pendedahan tentang keperluan pengautomasi pejabat di koperasi. 5. memberi kefahaman tentang kepentingan keselamatan ICT di dalam sesebuah organisasi 	01/11 – 03/11/2010 (3 hari)
4.	IDA 101 P Perakaunan Untuk Perusahaan Kecil	<ul style="list-style-type: none"> • Bendahari dan Penolong Bendahari • Jawatankuasa Audit Dalaman • Anggota Koperasi yang menjadi usahawan bidang ini • Kakitangan Kewangan Koperasi • Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi. 	<p>Pada akhir kursus, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memberi kefahaman terhadap konsep, prinsip dan proses perakaunan serta 2. Kemahiran menyenggara akaun berkaitan pengeluaran produk dengan tatacara yang betul dan sistematik 	08/11 – 12/11/2010 (5 hari)
5.	IDB 727 Bengkel Perniagaan Restoran Dan Katering	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi • Pegawai Jabatan/ Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi • Pengurus dan Kakitangan koperasi 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memberi kefahaman tentang prospek perniagaan restoran dan katering 2. memberi pengetahuan tentang persediaan dan keperluan menjadi usahawan restoran dan katering 	29/11 – 02/12/2010 (4 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Mohd Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 604-643 8515

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mazlun B. Mustafa

Pengarang & Grafik

Encik Mohd Hilmi B. Rashid

Percetakan Pengedaran

Puan Hajjah Che Maimunah Bt Kassim

Jurugambar

Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali

Pemberita

Encik Muhammad Abidi B. Shaffie

Puan Hashimah Bt Yahya

Puan Normala Hartiny Bt Hassan (STSB)

Encik Mohammad Sayuti B. Salleh (STESB)

Cik Nurul Syazwani Bt. Mohd Zainordin (Pelajar Praktikal)

Cik Nurdiana Bt. Abd. Malek (Pelajar Praktikal)

Cik Emmy Masturah Bt. Arzanan (Pelajar Praktikal)

SIDANG PENGARANG



INFO PEMBANGUNAN HARTANAH

>> oleh: Muhammad Abidi Shaffie

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULUH FASA 1A (PANGSAPURI IDAMAN IRIS) CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA, 1 HINGGA 20 TINGKAT TERMASUK 1 TINGKAT KEMUDAHAN DAN 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BERJUMLAH 448 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 4 ekar. Kebenaran memulakan kerja telah diperolehi daripada pihak MPPP pada 20 Ogos 2009.

Pada masa ini, projek telah mencapai 20% pembinaan iaitu selesainya kerja dibawah aras bumi termasuk menanam cerucuk dan kerja-kerja asas bagi bangunan. Keseluruhan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat disiapkan pada September 2011.

Jualan telahpun mencapai tahap 90%. Hanya tinggal unit untuk kuota bumiputera sahaja.

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULOH FASA 1B (PANGSAPURI IDAMAN LAVENDER) CADANGAN PEMBINAAN 2 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 750 K.P 352 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 5 ekar. Projek ini dianugerahkan secara turnkey kepada anak syarikat koperasi iaitu Sri Tunas Sdn.Bhd. Pada masa kini kerja-kerja bangunan sedang giat dijalankan.

Blok A- Unit Peruntukan Anggota : Kerja-kerja memasang bumbung/siling, pendawaian elektrik serta, saluran paip (tanpa lengkapan), paip gas (jika ada) dan saluran serta kabel dalaman telefon pada Petak tersebut.

Blok B- Unit Untuk Jualan : Kerja-kerja memasang bumbung/siling, pendawaian elektrik serta, saluran paip (tanpa lengkapan), paip gas (jika ada) dan saluran serta kabel dalaman telefon pada Petak tersebut.

Keseluruhan kemajuan kerja-kerja pembinaan telah mencapai 65% dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2011 manakala projek telah habis dijual sepenuhnya.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK DALAM PEMBANGUNAN



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK DALAM PEMBANGUNAN



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK DALAM PEMBANGUNAN

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULOH FASA 1C (RUMAH PANGSA IDAMAN MELOR) CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH 650 K.P 280 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 1.5 ekar. Pada masa sekarang kerja 'Pile Cap' (Tetopi Cerucuk) dan 'Piling' telah selesai dijalankan. Keseluruhan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat disiapkan pada September 2011.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK DALAM PEMBANGUNAN

PROJEK PENEMPATAN SEMULA JALAN TENGAH FASA 7A.

Tapak projek ini terletak di Jalan Tengah, Sungai Ara, Pulau Pinang dan berkeluasan lebih kurang 3 ekar. Projek ini adalah projek peruntukan rumah kepada anggota koperasi. Komponen pembangunan terdiri daripada 26 unit rumah berkembar 2 tingkat, 3 unit rumah sebahagian 2 tingkat dan sebuah bangunan pencawang elektrik. Kerja-kerja bangunan telah 100% siap. Jangkaan Sijil Layak Menduduki (OC) diperolehi pada Nov 2010.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK DALAM PEMBANGUNAN

PROJEK PERUMAHAN KAMPUNG PERLIS FASA 1 – MEMBINA 20 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT, 50 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DAN TAPAK UNTUK 31 UNIT LOT BANGLO DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 8009 (SEBELUM INI 2368)

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 12 ekar. Projek ini adalah projek peruntukan untuk anggota koperasi. Kerja-kerja pembangunan telah siap sebanyak 80% namun begitu kos pembinaan masih berbaki 60% dan jangkaan projek dapat disiapkan April 2011.

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negara Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,500.00 setahun.
5. Pemohon (suami / isteri) belum memiliki rumah

INFOMASI PERUMAHAN KOS RENDAH

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di **Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Komtar, Pulau Pinang.** Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon **604-262 1957 ext: 5373**

"Bertuah sungguh...", Setiausaha Koperasi Tunas Muda Sungai Ara (KTMSAB) Dr. Rahmad Zakaria sedang memberikan hadiah kepada anggota yang bertuah di dalam acara cabutan bertuah.

>> Ahmad Jasmi Ghazali



HARI KELUARGA KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD YANG DIADAKAN PADA 19 JAN 2010 DI PERKARANGAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA

>> Ahmad Jasmi Ghazali



"Alhamdulillah..." Pengerusi KTMSAB, Ir Mansor sedang memberikan plat kunci kepada salah seorang anggota.

AMBIL KUNCI RUMAH PERUNTUKAN PADA 15 MAC 2010 YANG DIADAKAN DI PEJABAT KTMSAB.

MASJLIS SUMBANGAN WANG RAYA KEPADA SURAU DAN MASJID YANG DIADAKAN PADA 10 OGOS DI PEJABAT KTMSAB.

>> Ahmad Jasmi Ghazali



"Syukur..." Sumbangan duit raya kepada wakil surau dan masjid yang berlangsung dengan baik di pejabat koperasi.

"Terima kasih..." Pengerusi KTMSAB, Ir. Mansor Musa memberikan ucapan balas kepada tuan rumah atas kesudian menerima kedatangan rombongan anggota koperasi.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE KOPERASI-KOPERA SI NEGERI JOHOR PADA 2 HINGGA 4 APRIL 2010

>> Ahmad Jasmi Ghazali

"Hebat...", Timbalan Menteri Datuk Rohani Abdul Karim bersama-sama pegawai Suruhan Jaya Koperasi Malaysia (SKM) melawat koperasi-koperasi yang berskala besar di Pulau Pinang.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali

"Betul ni..." pelawat dari Koperasi Negeri Sembilan melihat-lihat pembangunan projek yang dibina oleh Koperasi.

HARI KOPERASI NEGERA PADA 16 JULAI 2010.

"Tahniah...", Bendahari sedang menerima hadiah daripada Menteri Koperasi sempena Hari Koperasi Negara yang diadakan di Kuantan, Pahang.

LAWATAN KOPERASI-KOPERASI DARI NEGERI SEMBILAN PADA 6 OGOS 2010



>> Ahmad Jasmi Ghazali

RANGKAIAN PERNIAGAAN


>> oleh: Muhammad Abidi Shaffie

INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN ANDA?

Anggota dan keluarga yang ingin mengembangkan perniagaan boleh menghubungi pihak koperasi. Koperasi akan kendalikan peluang perniagaan yang ingin diperluaskan dan dihebahkan.



Sesiapa yang berminta sila hubungi Puan Arizan Ahmad di talian 04-643 8515 (waktu pejabat) untuk keterangan lanjut.



Pembekal Tempeyek

**Nikmatilah kerangkapan tempek.
Rasa sekali pasti nak lagi.**

Untuk tempahan, sila hubungi Encik Rosli Rashid (Awie) di talian 010-518 1787 untuk maklumat lanjut.

Pembekal Biskut Raya

**Anyam ketupat daun kelapa,
Untuk hidangan tetamu di pagi raya,
Usah berlengah usah membuang masa,
Tempah kuih dengan kadar segera.**

Untuk tempahan, sila hubungi Encik Aziz Bin Mamat di talian 012-577 8195 untuk maklumat lanjut.



Butik Kecantikan De' Natasha

Perkhidmatan yang disediakan butik pengantin, urutan aromaterapi dan sebagainya.


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Nooraini Youp di talian 017-597 8818, 017-250 7881.



Sajian Enak, Lazat Dan Berkualiti

Restoran Attasha dan katering menerima tempahan kenduri.


Untuk tempahan, sila hubungi Sharom Bee Binti Naina Mohamad di talian 019-472 8100, 019-413 0799 untuk maklumat lanjut.



Green Friendly Product

Produk barangan yang tidak mencemar alam.

Untuk tempahan, sila hubungi Hasliza Binti Harun di talian 017-484 8329, 016-483 3720 untuk maklumat lanjut.





Senarai anggota yang telah meninggal dunia seperti di bawah. Waris anggota belum mengambil tindakan mengurus pertukaran keanggotaan.

BIL	NO ANGGOTA	NAMA
1	0196	AHMAD BIN OSMAN
2	0410	TAN TUAH PHOON
3	0412	SAIDIN BIN AWANG
4	0499	AHMAD BIN MUHAMMAD ISA
5	0555	CHIN CHONG TYE
6	1019	MEJAR (B) HJ HAMID BIN BUDIN
7	1039	HAMAD BIN DARUS
8	1205	AHMAT BIN ABDUL HASSAN
9	1226	T.R RAMAN
10	1285	ABDUL HAMID BIN SALLEH
11	1612	AHMAD BIN ZAKARIA
12	1701	AMINAH BINTI DRANI
13	1741	SITI AMINAH BINTI MAHMOOD
14	1929	NORDIN BIN YOOB
15	1789	LOHALAR @ ZAHARIA BINTI MAT
16	1978	BANUM BINTI MAT
17	2190	MARIMUTHU A/P SINNAPPEN
18	2230	REMLAH BINTI UDOH
19	2376	RAHMAH BINTI MUSA
20	2519	SAIMAH BINTI HJ. MASRI

Senarai anggota yang masih belum memberikan gambar berukuran passport untuk dimasukkan ke dalam sistem.

BIL	NO ANGGOTA	NAMA
1	2073	TEH HAK ENG

*Sila ambil tindakan segera dengan menghubungi Unit Keanggotaan, Puan Norsidah Jaafar/Cik Sazwani Sabdin di talian 04-6438515.

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.
POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-

Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama No.Anggota

No.Kad Pengenalan No.Telefon

Alamat Baru

Tandatangan Tarikh

Belimbing Untuk Kecantikan

>> oleh: Nurul Syazwani Mohd Zainordin

Vitamin C dan A dari buah belimbing efektif membantu mengecilkan pori-pori kulit wajah, menyegarkan dan menyejukkan wajah. Kandungan mineralnya membantu mengurangi kelelahan kulit, menjadikan wajah segar berseri.

Caranya :

- cuci bersih buah belimbing
- potong-potong tipis
- tempelkan pada bagian kulit yang banyak mengeluarkan minyak
- diamkan selama kurang lebih 5 menit
- bilas dengan air bersih

• *Kini Kamu tampil dengan wajah segar dan bebas minyak.*



Khasiat Buah Naga

>> oleh: Nurdiana Abd. Malek

- ❖ Masih ramai rakyat negara ini tidak tahu cara memakan buah ini kerana bentuknya yang ganjil, dengan kulit luar berwarna merah dan mempunyai sayap seperti seekor naga sehingga ia mendapat nama buah naga (DragonFruit).
- ❖ Cara sebenar memakan buah naga ialah dengan memotong dua dan menceduk isinya dengan menggunakan sudu (senduk - bahasa Indonesia).
- ❖ Secara umumnya, pakar sependapat dan mengakui buah naga kaya dengan potasium, ferum, protein, serat, sodium dan kalsium yang baik untuk kesihatan berbanding buah-buahan lain yang diimport.
- ❖ Kajian menunjukkan buah naga merah ini sangat baik untuk sistem penghadaman dan peredaran darah. Ia juga memberi tindak balas memberangsangkan untuk mengurangkan tekanan emosi dan meneutralkan toksik dalam darah.
- ❖ Buah naga juga mengandungi zat besi untuk menambah darah; vitamin B1 (mengawal kepanasan badan); vitamin B2 (menambah selera); vitamin B3 (menurunkan kadar kolesterol) dan vitamin C (menambah kelicinan, kehalusan kulit serta mencegah jerawat).
- ❖ Dahan pokok buah naga juga boleh dijadikan salad, ulam, digoreng dengan sambal belacan dan dimasak sup, yang terbukti berkesan untuk membuang toksik dalam badan dan mencuci perut.